

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 SEPT 2016

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	SAMSENG SEKOLAH BULI PENJUAL AISKRIM	2
UTUSAN MALAYSIA	JCORP SASAR TARIK PELABURAN RM2 BILION	3



# HARIAN METRO

28/9/16

## Samseng sekolah buli penjual aiskrim

**Johor Bahru:** Perbuatan enam pelajar sekolah menengah berlagak samseng dengan cuba menganiaya seorang penjual aiskrim warga asing yang dipamerkan menerusi paparan video berdurasi dua minit setengah mendapat kecaman netizen.

Video yang dikongsi per milik akaun Facebook (FB) Amin Ali itu dirakam individu terbabit melalui bahagian luar tingkap rumahnya di Taman Kota Masai, Pasir Gudang.

Video berkenaan memaparkan seorang pelajar beruniform sekolah mencuri sebungkus kon aiskrim dengan menghalang penjual terbabit yang ingin beredar dari kawasan itu.

Menurutnya, keenam-enam pelajar yang lengkap beruniform sekolah termasuk seorang daripadanya menggu-



**SEKUMPULAN** pelajar yang didakwa membuli penjual aiskrim.

nakan baju-T berwarna merah adalah pelajar sebuah sekolah menengah di kawasan terbabit.

“Mereka melepak di belakang kawasan rumah saya di Taman Kota Masai dan ketika itu membuli seorang penjual aiskrim yang melalui kawasan berkenaan,” katanya.


Dia turut mendakwa pelajar berkenaan dan beberapa

kumpulan lain sering melepak di belakang perumahan itu dengan membuat bising hingga mengganggu suasana kejiranan di situ.

Video berkenaan turut mendapat perhatian pengguna laman Facebook Komuniti Kota Masai yang melahirkan rasa kesal dan meluahkan rasa sakit hati mereka dengan perlakuan enam remaja berkenaan.

Seorang pengguna, Hussein Ali berpendapat video berkenaan perlu diserahkan kepada guru disiplin sekolah terbabit untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Johor Shahrudin Saari berkata, pihaknya sudah menerima laporan membabitkan pelajar berkenaan dan akan melakukan siasatan.



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • RABU 28 SEPTEMBER 2016

## JCorp sasar tarik pelaburan RM2 bilion

■ SEOUL 27 SEPT.

**J**OHOR Corporation (JCorp) menyasarkan untuk menarik pelaburan baharu antara RM1 bilion hingga RM2 bilion ke Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat pada tahun depan.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim yakin pelaburan dalam pelbagai bidang tersebut dapat dicapai berdasarkan minat dan sambutan daripada syarikat-syarikat dari beberapa negara.

“Berdasarkan perkembangan perbincangan semasa dengan pelbagai pihak, kita sasarkan dapat menarik pelaburan antara RM1 bilion hingga RM2 bilion pada tahun depan.

“Malah, mungkin pelaburan berkenaan dapat dicapai dalam tempoh enam pertama tahun depan,” katanya kepada media Malaysia yang menyertai de-



**LUQMAN HAZIQ**

Melaporkan dari KOREA SELATAN

legasi misi pelaburan JCorp ke Korea Selatan yang berakhir semalam.

Misi pelaburan lima hari itu diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang juga Pengerusi JCorp.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang juga Timbalan Pengerusi JCorp dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim.

Ditanya mengenai misi pelaburan ke negara ini, Kamaruzzaman menyifatkannya

amat berjaya apabila JCorp berjaya menarik pelaburan tambahan dalam bidang petrokimia sebanyak RM1.5 bilion daripada Lotte Group di Tanjung Langsat.

“Malah kita juga berjaya

memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Se Baru Hospital untuk mewujudkan Pusat Sendi dan Tulang Belakang di Hospital Pakar Tawakal KPJ Kuala Lumpur, iaitu perkhidmatan terkini untuk merawat penyakit sendi dan tulang belakang tanpa memerlukan pembedahan.

“Kita yakin kaedah rawatan ini akan memberi dimensi baharu dan proses pemulihan adalah lebih cepat,” katanya.

Menurutnya, JCorp turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan DK Medical Centre bagi membawa perkhidmatan terkini dalam rawatan pembedahan plastik dan rekonstruktif.

“Perkhidmatan ini kita yakini mampu menarik dan melonjakkan jumlah pelanggan hospital-hospital KPJ Healthcare Berhad.

“Di Korea, perkhidmatan ini mendapat sambutan yang amat baik,” katanya sambil memberitahu usaha tersebut juga mampu membantu merealisasikan agenda kerajaan negeri untuk menjadikan wilayah Iskandar Malaysia sebagai hab kesihatan di negara dan rantau ini kerana menawarkan kos lebih rendah tetapi berkualiti tinggi. - UTUSAN



**KAMARUZZAMAN ABU KASSIM**



**JOHOR CORPORATION**

